

FAKTOR DAN STRATEGI UNTUK MENINGKATKAN MOTIVASI
AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
RENDAH

PHANG FUEY LING

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Laporan projek ini didedikasikan khas buat suami dan anak-anak tercinta saya yang menyokong saya untuk meneruskan pengajian. Mereka telah memberi sokongan moral kepada saya untuk menyelesaikan projek ini

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, Prof. Dr. Yeo Kee Jiar atas segala kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.

Ribuan terima kasih kepada suami saya, Robert Tay yang sentiasa memberi kasih sayang dan dorongan yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada tiga orang anak, Desmond Tay, Pheobe Tay dan Bede Tay atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga kajian penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pentadbir sekolah yang telah banyak meluangkan masa untuk menghulurkan bantuan. Terima kasih juga diucapkan buat mereka yang sentiasa menghulurkan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga projek ini selesai. Terima kasih.

Abstract

Academic motivation is a force that drives an individual to overcome various challenges in the learning process continuously to achieve goals. This study aims to gather information on factors and ways to increase the academic motivation of rural secondary school students. 20 lower forms students, two teachers teaching lower forms and four school administrators were the respondents of this case study. The results showed that the factors that can increase students' academic motivation are students' ability to understand the subject, teacher pedagogy, teacher's friendly and kind character, and school infrastructure. Teachers can increase students' academic motivation by increasing students' extrinsic motivation through teacher pedagogy and character. Teachers can also increase the intrinsic motivation of students who like to gain knowledge by their own efforts. On behalf of the school, the involvement of peers during school activities should be emphasized. Strategies to increase students' academic motivation are available in various aspects including teacher character, teacher pedagogy and school activities. It is suggested that in future studies researchers use questionnaire research tools or a combination of questionnaire methods and interview methods to obtain more accurate comprehensive results and each strategy mentioned here can be studied further through experimental studies.

Abstrak

Motivasi akademik merupakan daya yang mendorong seseorang individu terus berusaha mengatasi pelbagai cabaran dalam proses pembelajaran sehingga mencapai matlamat. Kajian ini bertujuan mengumpul maklumat tentang faktor dan cara meningkatkan motivasi akademik pelajar menengah rendah sekolah luar bandar. 20 orang pelajar menengah rendah, dua orang guru yang mengajar menengah rendah dan empat orang pentadbir sekolah dipilih sebagai responden kajian kes ini. Hasil kajian menunjukkan faktor yang dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar ialah kebolehan pelajar memahami subjek, pedagogi guru, karakter guru yang peramah dan baik, dan infra struktur sekolah. Guru dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar dengan meningkatkan motivasi ekstrinsik pelajar melalui pedagogi dan karakter guru. Guru juga boleh meningkatkan motivasi intrinsik pelajar yang suka mendapat ilmu dengan usaha sendiri. Bagi pihak sekolah pula, penglibatan kawan sebaya semasa aktiviti sekolah haruskan diberi penekanan. Strategi untuk meningkatkan motivasi akademik pelajar tersedia di pelbagai aspek termasuk karakter guru, pedagogi guru dan aktiviti sekolah. Adalah dicadangkan bahawa dalam kajian akan datang penyelidik menggunakan alat kajian soal selidik atau gabungan kaedah soal selidik dan keadah temu bual untuk mendapatkan hasil yang lebih menyeluruh tepat dan setiap strategi yang disebutkan di sini dapat dikaji lebih lanjut melalui kajian eksperimen.

JADUAL KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRACT	vi
	ABSTRAK	vii
	JADUAL KANDUNGAN	viii
	SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Kerangka Teori	10
	1.8 Kerangka Konsep	14
	1.9 Skop Kajian	15
	1.10 Delimitasi Kajian	16
	1.11 Definisi Istilah	16
	1.12 Rumusan	17
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Teori Berkaitan dengan Motivasi	18
	2.2.1 Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner	18
	2.2.2 Teori Hieraki Keperluan Maslow	21
	2.2.3 Teori Dterminasi Diri	24
	2.3 Literatur Berkaitan dengan pemboleh ubah dalam kajian	26

	2.3.1	Faktor Sekolah	26
	2.3.2	Faktor Guru	27
	2.3.3	Faktor Kawan	31
	2.4	Kajian Terdahulu	32
	2.5	Rumusan	33
BAB 3		METODOLOGI	
	3.1	Pengenalan	34
	3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	34
	3.3	Prosedur Pengumpulan Data	36
	3.4	Populasi dan Sampel	36
	3.4.1	Populasi	37
	3.4.2	Peserta Kajian	37
	3.5	Instrumen Kajian	38
	3.5.1	Kajian Rintis	39
	3.6	Prosedur Pengumpulan Data	40
	3.7	Rangka Kerja untuk Analisis Data	42
	3.8	Rumusan	44
BAB 4		DAPATAN KAJIAN	
	4.1	Pengenalan	45
	4.2	Latar Belakang Responden	45
	4.2.1	Huraian Latar Belakang Responden Kategori Pelajar	46
	4.2.2	Huraian Latar Belakang Responden Kategori Pelajar Guru	47
	4.3	Dapatan Temu Bual	48
	4.3.1	Responden Kategori Pelajar	48
	4.3.2	Responden Kategori Guru	65
	4.3.3	Perbandingan Data Kategori Pelajar Dan Guru	72
	4.4	Rumusan	76

BAB 5	RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	79
5.2	Rumusan	79
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Dengan Kajian Lepas	84
5.4	Implikasi Kajian	88
	5.4.1 Implikasi Teori	89
	5.4.2 Implikasi Praktikal	90
5.5	Limitasi	92
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.7	Penutup	93
	RUJUKAN	94

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Contoh Soalan Kepada Responden Kategori Pelajar	101
Lampiran B	Contoh Soalan Kepada Responden Kategori Guru	102
Lampiran C	Transkrip Temu Bual Dengan Pelajar	103
	Transkrip Temu Bual Dengan Guru	122
	Transkrip Temu Bual Dengan Pentadbir Sekolah	126

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Motivasi merupakan kuasa atau daya yang menggerakkan seseorang individu terus berusaha mengatasi pelbagai cabaran sehingga pencapaian matlamat. Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermakna bergerak (Huber, 2006, p. 481). Perkataan motivasi berasal dari kata akar "motif" yang bermaksud alasan kita melakukan apa yang kita lakukan (McLean, 2006). Ahli psikologi menegaskan bahawa motivasi mengaktifkan tingkah laku dan mendorong seseorang maju ke arah mencapai matlamat atau keperluan (Schunk, 2014). Motivasi menerangkan proses yang memberi tenaga dan merangsang tingkah laku manusia ke arah mencapai tujuan tertentu. Motivasi juga dikatakan sebagai pendorong seseorang untuk bertindak dan berterusan sehingga matlamat atau keperluan tercapai (Slavin, 2009).

Dari aspek pendidikan, motivasi boleh didefinisikan sebagai suatu kuasa yang menjana dan mengarahkan sesuatu tingkah laku atau keinginan dalaman pelajar untuk meneruskan sesuatu usaha demi mendapat prestasi akademik yang cemerlang. Motivasi juga merupakan satu proses penjana kuasa dan arahan untuk menggerakkan kelakuan pelajar dan motivasi intinsik adalah satu-satunya kemahiran belajar dan belajar yang paling berpengaruh yang mempromosikan prestasi akademik positif (Griffin, MacKewn, Moser, & Van Vuren, 2013). Motivasi juga boleh dianggap sebagai tahap rangsangan yang terdapat pada seseorang individu dalam usaha yang berhubung rapat dengan kehendak individu tersebut untuk mendapat kejayaan dalam setiap usaha yang diambil. Dengan kata lain, pelajar bermotivasi adalah pelajar yang terdorong untuk belajar dengan bersungguh-sungguh demi mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Menurut Deci & Ryan (1985), motivasi dapat dibahagikan kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik mendorong seseorang individu melakukan sesuatu untuk keperluan atau keseronokan dalam tugas sendiri, dan terwujud dari dalaman individu. Ia wujud berasaskan kepuasan individu, kepuasan yang diperolehi dalam perjalanan melaksanakan aktiviti dan bukannya rangsangan luaran atau berusaha untuk mendapat ganjaran luaran. Sejak awal 1970-an, pelbagai kajian tentang motivasi telah dilakukan oleh para ahli psikologi. Pada pendapat ahli psikologi, pelajar yang sentiasa terdorong untuk melibatkan diri dalam aktiviti seperti membantu orang dalam kesusahan, mangsa bencana alam, sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran sendiri adalah pelajar yang bermotivasi tinggi. Deci (1985) berpendapat bahawa motivasi intrinsik merupakan suatu posisi psikologi yang terwujud apabila individu berkeyakinan bahawa mereka mempunyai keupayaan dan dapat melakukan sesuatu tugas atau aktiviti berdasarkan usaha sendiri.

Motivasi ekstrinsik adalah bercanggah dengan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang berasal dari sumber luaran. Seseorang didorong oleh faktor luaran yang tidak berkaitan dengan tugas yang sedang dilaksanakan (Deci & Ryan, 1985). Motivasi ekstrinsik dapat dilahirkan dengan cara mendapat balasan seperti duit dan hadiah atau pujian yang guru atau ibu bapa berikan. Pertandingan yang dianjurkan seperti pertandingan pidato, pertandingan menyanyi, pertandingan mengarang dan lain-lain juga dapat menjana motivasi ekstrinsik pelajar. Kompensasi yang mereka akan mendorong pelajar untuk berusaha bertungkus-rumus menggalahkan peserta lain dan menang dalam pertandingan tersebut. Selain daripada itu, faktor pendorong seperti sorakan, tepukan, sokongan moral dan kata-kata semangat dari guru-guru, ibu bapa atau kawan-kawan juga meningkatkan motivasi ekstrinsik pelajar.

Motivasi mempunyai beberapa kepentingan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid. Motivasi belajar adalah elemen penting yang diperlukan untuk pendidikan berkualiti. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan memberi perhatian terhadap pengajaran guru, mengerjakan tugas yang diberikan, mengemukakan soalan dan memberi jawapan secara sukarelawan, dan mereka kelihatan gembira dan bersemangat (Palmer, 2007). Daripada pernyataan ini dapat kita lihat kepentingan

pertama motivasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran adalah untuk merangsang minat pelajar bagi terus mengikuti aktiviti kelas atau menyelesaikan tugas yang diberikan. Dengan kata lain, ia memberi tenaga dan daya kepada pelajar terus memberi sepenuh perhatian sepanjang proses pengajaran guru.

Kepentingan kedua motivasi terhadap pembelajaran pelajar ialah mencetus dan meningkatkan keupayaan pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran. Menurut Stenberg (2010), motivasi ialah rangsangan atau keinginan seseorang individu yang mendorong sesuatu tindakan atau aktiviti. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan lebih berkemampuan memahami kemahiran yang guru terangkan semasa pembelajaran dan pengajaran kerana mereka mempunyai dorongan yang memimpin mereka untuk memberi sepenuh perhatian kepada pengajaran dan memahami pengajaran guru di dalam kelas berbanding dengan murid yang tidak bermotivasi.

Menurut Robbins (2009), motivasi dapat memberi tenaga dan mengarahkan tingkah laku ke arah pencapaian. Motivasi juga membolehkan aktiviti yang ditujukan kepada tujuan digerakkan dan dikekalkan (Schunk, Meece, & Pnitrich, 2014, p.5). Oleh sebab itu, dapatlah dikatakan motivasi amat perlu diambil berat dalam proses pembelajaran kerana ia dapat mewujudkan keinginan yang kuat untuk belajar sehingga meningkatkan disiplin sendiri. Ini adalah kerana pelajar yang bermotivasi akan membidik kelakuan mereka kekal ke arah tujuan yang mereka telah tetapkan.

Dalam buku yang bertajuk “Educationa Psychology” (Paul D. Eggen & Don P. Kauchak, 2016) menyatakan terdapat 4 faktor yang mempengaruhi motivasi individu, iaitu keperluan, kepercayaan terhadap diri sendiri, objektif dan emosi. Keperluan yang dimaksudkan ialah keperluan terhadap fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan, kesempurnaa diri yang berdasarkan Teori Hieraki Keperluan Maslow, dan keperluan terhadap kompeten, kebebasan membuat pilihan sendiri dan kerikatkan yang berdasarkan Teori Determinasi Diri. Manakala bagi kepercayaan terhadap diri sendiri pula menerangkan bagaimana kepercayaan seseorang individu dapat mendorong untuk memelihara rasa harga diri dan persepsi terhadap kemampuan tinggi. Faktor objektif merujuk kepada bagaimana penetapan matlamat yang khusus, sederhana mencabar, dan jangka pendek yang fokus pada pemahaman dan peningkatan

meningkatkan motivasi. Akhir sekali, emosi yang positif seperti keseronokan, kebanggaan dan kepuasan samasa pembelajaran akan dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar. Selain daripada faktor di atas, motivasi pelajar juga berkait rapat dengan persekitaran seseorang individu berada atau dibesarkan seperti mana yang dinyatakan oleh Model Bronfenbrenner & Morris (2006).

Pemahaman terhadap keperluan, kepercayaan terhadap diri sendiri, objektif dan emosi dapat membantu guru memilih atau menghasilkan strategi yang berkesan untuk meningkatkan motivasi akademik pelajar. Contohnya, karya Maslow mengingatkan kita bahawa jika guru mementingkan keperluan pelajar dalam aspek pengajaran adalah sangat penting kerana jika kita mengabaikannya akan memberi kesan negatif terhadap motivasi dan pembelajaran pelajar. Oleh sebab itu, guru atau pihak sekolah haruslah mengaplikasikan strategi pengajaran yang berfokus pada pelajar, seperti memberi peluang kepada pelajar untuk mengemukakan pendapat mereka, memberi peluang kepada mereka untuk berjaya dan menghargai usaha pelajar. Cara ini akan dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar.

Berdasarkan Teori Determinasi Diri, guru atau pihak sekolah boleh merancang tugas-tugasan pembelajaran yang mencabar yang bersesuaian dan dipilih oleh pelajar mengikut kebolehan masing-masing. Apabila tugas dapat diselesaikan, kejayaan ini akan memberikan bukti untuk meningkatkan kecekapan, dan menekankan pencapaian ini kepada pelajar dan ini akan memuaskan keperluan mereka terhadap kebebasan, kompeten. Strategi ini akan dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tentang faktor yang mempengaruhi motivasi dan cara meningkatkan motivasi akademik dari sudut pandangan pelajar, guru dan pentadbir sekolah.

1.2 Latar belakang kajian

Motivasi merupakan suatu proses yang penting dalam menggiatkan usaha seseorang pelajar untuk meningkatkan prestasinya sama ada akademik atau bukan

akademik. Crow & Crow (1981) berpandangan bahawa dorongan yang mengarah manusia mengubah perangai, kecenderungan atau aktivitiannya ialah motivasi. Dalam bidang pendidikan, motivasi pada seseorang pelajar boleh dibangunkan melalui minat pelajar sendiri yang dinamakan sebagai motivasi intrinsik ataupun sokongan luaran, iaitu motivasi ekstrinsik seperti ahli keluarga, kawan dan guru sekolah. Kamarudin Hj. Husin (1997) berpendapat bahawa motivasi ialah dorongan dalaman diri seseorang individu yang dapat mengesal kelakuan individu dan motivasi bergantung pada tendensi seseorang individu untuk menggairahkan dan menguasai semangat sendiri.

Menurut kajian Universiti Cargenie Mellon, penyebab kepada kekurangan motivasi akademik pelajar adalah tidak nampak nilai ilmu yang dipelajari, kurang keyakinan bahawa usaha mereka akan meningkatkan prestasi akademik mereka, mempunyai keutamaan lain yang bersaing dengan masa dan perhatian mereka dan mengalami masalah peribadi. Keadaan yang sama berlaku di sekolah menengah rendah kawasan luar bandar di Malaysia. Majoriti pelajar sekolah menengah luar bandar terdiri daripada pelajar yang berprestasi sederhana dan lemah semasa di sekolah rendah. Ini menyebabkan mereka kehilangan keyakinan bahawa mereka sebenarnya boleh mendapat pencapaian yang cemerlang kalau mereka berusaha bersungguh-sungguh seterusnya hilang minat terhadap pembelajaran. Sikap negatif terhadap pembelajaran wujud dalam kalangan pelajar terutama kumpulan lemah kerana sekolah terletak di kawasan luar bandar, kurang terdedah kepada kepentingan ilmu asas yang mereka pelajari. Keadaan juga bertambah terhadap pelajar yang miskin di mana mereka terpaksa bekerja di kedai makan pada waktu malam.

Menurut hasil kertas kerja Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah kesalahan ponteng sekolah sebanyak 38053 kes merupakan kategori salah laku yang paling tinggi terutamanya di sekolah menengah. Salah satu faktor utama pelajar ponteng adalah kerana ketiadaan motivasi untuk belajar. Tahun demi tahun, semakin ramai pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah mendapati diri mereka berada dalam keadaan di mana mereka tidak mempunyai keinginan untuk melaksanakan tugas akademik yang perlu lengkapkan (Green-Demers & Pelletier, 2003). Ramai penyelidik misalnya Pintrich (2003); Reeve (2002); Ryan Deci (1999) telah membuat kajian terhadap faktor-faktor yang menyebabkan

kehilangan motivasi belajar. Walaupun motivasi belajar telah banyak berfokus pada konseptual dan empirikal, hakikatnya masih terdapat banyak pelajar sekolah menengah yang kekurangan motivasi akademik (Snyder & Hoffman, 2002; Statistik Kanada, 2002).

Menurut Deci & Ryan (1985), salah satu cara untuk meningkatkan motivasi ekstrinsik pelajar adalah dengan memberi ganjaran kepada pelajar. Hampir semua sekolah akan memaparkan banner nama dan gambar cemerlang dalam peperiksaan terutamanya dalam peperiksaan PT3, SPM dan STPM, mengadakan Hari Penyampaian Hadiah kepada pelajar. Bagi pelajar kawasan luar bandar, ini tidak memanfaatkan majoriti pelajar kerana hanya segelintir pelajar yang cemerlang sahaja yang mendapat ganjaran. Malahan bagi majoriti pelajar yang secara konsisten berada di hujung bawah pengedaran, perbandingan sosial di kalangan pelajar ini akan mengurangkan motivasi mereka (Corpus, Ogle, & Love-Geiger, 2006).

Cornelius-White (2007) berpendapat bahawa melayan pelajar dengan perikemanusiaan boleh memenuhi keperluan keterikatan atau kepunyaan dan ia juga mengaplikasikan konsep menerima secara tanpa syarat yang ditekan oleh Carl Rogers. Berdasarkan konsep di atas, program sayang pelajar yang dijalankan adalah bersesuaian dan terbukti dapat memotivasikan pelajar. Hubungan rapat antara guru dan pelajar di kawasan luar bandar juga dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar kerana pelajar kawasan luar bandar sukar untuk mendapat kelas tambahan di luar sekolah dan mereka jauh lebih bergantung kepada guru untuk mendapat didikan dan ilmu pengetahuan.

1.3 Penyataan Masalah

Program SISC ataupun dikenali sebagai Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches) dimulan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sejak awal tahun 2011 di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia,

PPPM 2013-2025. Objektif program ini memantau dan membimbing sekolah-sekolah yang berprestasi rendah serta berada dalam Band 6 dan Band 7. Dalam masa setahun, pegawai SISC perlu ke sekolah yang dipantau sekurang-kurangnya 3 kali bagi tujuan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh sekolah serta memikirkan program intervensi atau pemulihan yang boleh dijalankan di sekolah tersebut bersama-sama dengan pentadbir dan guru-guru sekolah. Sekolah dalam kajian ini telah dipantau oleh SISC pada tahun 2017 sebagai sekolah focus dan 2018 sebagai sekolah bawah pantauan.

Sekolah dalam kajian ini ialah sebuah sekolah luar bandar yang berlokasi 34 km dari bandar Kluang, bandar terdekat di utara dan 37 km dari Kulai, bandar terdekat di selatan. Sumber ekonomi utama di sini ialah pertanian. Sekolah ini dikelilingi oleh ladang kelapa sawit. Majoriti pelajar sekolah ini terdiri daripada pelajar yang tinggal di kawasan FELDA, estet kelapa sawit dan kampung yang berdekatan. Kebanyakan ibu bapa pelajar sekolah ini terdiri daripada peladang kecil dan peneroka felda. Sekolah ini menghadapi masalah pencapaian akademik yang kurang memuaskan. Ramai pelajar ponteng kelas tambahan yang diadakan oleh pihak sekolah secara percuma.

Semasa pembelajaran dan pengajaran, ramai pelajar terutama pelajar yang berprestasi kurang memuaskan sejak sekolah rendah, kerap kurang berminat terhadap semua subjek. Mereka kerap berbual-bual kosong apabila guru mengajar, mengusik rakan mereka yang sedang belajar sehingga rakan mereka tidak dapat terus berfokus pada pembelajaran, mencuri dan menyorok buku rakan sebelum guru masuk kelas, mengejek rakan yang lemah, menghasut kawan membuli pada waktu rehat dan sebagainya. Kesan daripada gejala ini menyebabkan keberkesanan penyampaian guru terjejas. Guru terpaksa menggunakan masa untuk menguruskan masalah disiplin pelajar. Selain daripada itu, motivasi dan emosi yang ada pada segelintir pelajar juga akan terjejas. Ini menyebabkan pencapaian pelajar kurang memuaskan.

Siti Hamizah berpendapat pencapaian pelajar dipengaruhi oleh faktor psikologi. Biasanya, pelajar yang mempunyai masalah kurang berfokus semasa pembelajaran adalah pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tidak baik sejak sekolah

rendah. Prestasi akademik yang kurang baik akan menyebabkan mereka merasa rendah diri dan emosi terganggu. Gangguan emosi ini akan mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pelajaran. Keadaan psikologi pelajar, emosi dan motivasi terhadap pembelajaran adalah saling berkait dan perlu dikaji sebelum dapat dirancang program untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Namun, kelemahan akademik pelajar di sekolah tempat kajian tidak pernah dikaji dari segi faktor pengaruhnya, justeru maklumat asas sebagai rujukan utk merancang program meningkatkan pencapaian akademik kurang berkesan.

Seterusnya, hasil daripada kajian penyelidik lepas menunjukkan tahap motivasi intrinsik pelajar terhadap akademik mempengaruhi daya penguasaan disiplin sendiri yang diperlukan untuk hadir ke sekolah dan melengkap tugas pembelajaran. Personaliti guru dan strategi pedagogi guru juga akan mempengaruhi motivasi pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran dalam kelas dan pencapaian pelajar. Hasil kajian terhadap motivasi dan pelajar dengan sekolah pula menunjukkan rasa kepunyaan sekolah pada pelajar dapat meningkatkan motivasi akademik pelajar. Secara keseluruhannya, kajian-kajian di atas telah menunjukkan satu rantai ikatan satu sama lain yang berkaitan dengan motivasi setiap unit yang akhirnya dapat mempengaruhi motivasi pelajar yang berjumlah besar di sekolah.

Oleh sebab itu, kajian terhadap motivasi adalah sangat penting kerana dengan adanya maklumat yang mencukupi barulah kita dapat mengenalpasti faktor mempengaruhi motivasi pelajar dan menyenaraikan strategi untuk meningkatkan motivasi pelajar, sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar, dan juga memupuk budaya terus belajar di kalangan pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian kes ini adalah untuk mengumpul maklumat tentang faktor mempengaruhi dan cara meningkatkan motivasi pelajar menengah rendah sekolah luar bandar dari sudut pandangan pelajar, guru dan pentadbir sekolah.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti pandangan pelajar menengah rendah terhadap sumber motivasi terhadap pembelajaran yang sedia ada pada mereka.
- ii. Mengkaji faktor yang mempengaruhi sikap dan minat pelajar dalam penglibatan aktiviti pembelajaran dalam kelas.
- iii. Mengkaji pengaruh guru dan sekolah terhadap motivasi pembelajaran pelajar menengah rendah.
- iv. Mengenal pasti strategi untuk meningkatkan motivasi sendiri terhadap pembelajaran.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab beberapa soalan di bawah:

- i. Apakah pandangan pelajar menengah rendah terhadap tahap motivasi mereka terhadap pembelajaran.
- ii. Apakah faktor yang mempengaruhi motivasi atau sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran dalam kalangan pelajar menengah rendah.
- iii. Bagaimanakah guru dan sekolah mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran?
- iv. Apakah strategi yang digunakan oleh pelajar untuk meningkatkan motivasi sendiri terhadap pembelajaran.

1.6 Kepentingan Kajian

Maklumat kajian ini memberi pengetahuan mengenai pandangan dari sudut pelajar, guru dan pentadbir sekolah tentang cara meningkatkan motivasi pelajar. Penemuan yang dijangkakan dalam kajian ini akan bermanfaat bagi pihak, guru,

pentadbir sekolah, pegawai Pendidikan daerah mahupun Kementerian Pendidikan semasa membuat program untuk sekolah terutamanya sekolah luar bandar.

Kajian ini dapat memaparkan sumber motivasi sedia ada dan sokongan motivasi eksrinsik yang diharapkan oleh pelajar luar bandar. Maklumat kajian ini dapat memudahkan guru untuk memilih pedagogi yang lebih sesuai dan dapat meningkatkan motivasi pelajar supaya pelajar lebih aktif dalam aktiviti kelas dan meningkatkan pencapaian akademik.

Dengan adanya maklumat dari aspek pelajar yang mencukupi, pentadbir sekolah akan dapat satu gambaran yang lebih menyeluruh dan menghasilkan idea yang bernas dari segi menggunakan strategik atau merancang serta melaksanakan program dan aktiviti yang lebih berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran, meningkatkan pencapaian akademik sekolah, dan memupuk budaya suka belajar di kalangan pelajar.


Hasilan kajian ini juga dapat memberi satu gambaran yang lebih menyeluruh kepada Kementerian Pendidikan semasa membuat program yang lebih sesuai dan berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik yang lebih sesuai dengan keperluan pelajar sekolah luar bandar.

1.7 Kerangka Teori

Banyak teori tentang motivasi telah dikemukakan oleh ahli psikologi. Dalam kajian ini, Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner digunakan untuk melihat sumber motivasi pelajar, Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Determinasi Diri digunakan untuk menerangkan keperluan yang diperlukan oleh pelajar untuk meningkatkan motivasi akademik mereka.

Kajian ini menggunakan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner untuk mengkaji sumber motivasi sedia ada pelajar daripada ibu bapa, kawan, dan persekitaran mereka. Teori ini juga memudahkan kita memahami hubung kait motivasi pelajar dengan guru

dan sekolah. Teori ini menyatakan bahawa perkembangan manusia dipengaruhi oleh pelbagai jenis sistem persekitaran. Ini dapat membantu kita memahami punca perbezaan tahap motivasi terhadap pembelajaran antara pelajar, sekolah dan di kawasan yang berlainan seperti pelajar sekolah bandar dan luar bandar. Berdasarkan teori ini, terdapat lima sistem persekitaran yang di mana seseorang individu berinteraksi dalam perkembangannya. Setiap sistem mempunyai peranan tersendiri dalam membentuk dan mengembangkan individu.



Rajah 1 menunjukkan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner

Lima sistem dalam Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner adalah mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Lapisan pertama dalam teori ini ialah mikrosistem yang merujuk kepada kumpulan yang paling dekat dan mempengaruhi perkembangan seseorang individu secara langsung yang terdiri daripada ahli keluarga, sekolah, jiran dan kawan-kawan mereka. Lapisan yang kedua ialah mesosistem yang merujuk kepada interaksi antara mikrosistem dan eksosistem pula melibatkan hubungan antara persekitaran sosial yang mana individu tersebut tidak mempunyai peranan aktif dan konteks langsung. Seterusnya makrosistem menghuraikan pengaruh budaya terhadap kehidupan seseorang individu dan akhir sekali kronosistem merupakan elemen masa pada persekitaran seperti pengaruh teknologi, perubahan politik dan perubahan sosial dalam negeri atau dunia. Melalui kelima-lima elemen ini, kita dapat mengesan latar belakang pelajar, sumber motivasi

pelajar, tahap motivasi mereka terhadap pembelajaran dan faktor yang mempengaruhi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar terhadap pembelajaran.

Teori Hierarki Maslow menyatakan dalam diri setiap individu terdapat lima keperluan yang perlu dipenuhi. Apabila satu keperluan dicapai, keperluan yang seterusnya akan menjadi satu keperluan atau keutamaan seterusnya. Setiap individu akan memastikan tahap keperluan terendah dipenuhi terlebih dahulu sebelum berusaha untuk memenuhi keperluan tahap yang lebih tinggi. Lima keperluan tersebut adalah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan penghargaan diri dan keperluan sempurna sendiri.



Rajah 2 menunjukkan Teori Hierarki Keperluan Maslow


Maslow membahagikan lima keperluan di atas kepada dua kategori, iaitu:

- a) Tahap rendah yang terdiri daripada keperluan fizikal, keperluan keselamatan, keperluan social dan penghargaan diri
- b) Tahap tinggi iaitu pencapaian hasrat diri.

Mengikut Teori ini, semua kehendak rendah perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang itu inginkan kesempurnaan sendiri. Maslow menyatakan bahawa jikalau seseorang berupaya mencapai tahap kesempurnaan sendiri tetapi tidak berusaha ke arahnya, maka ia akan mengalami kegelisahan dan keresahan dalam hidup.

Jika dipandang dari aspek motivasi, ini bermakna demi meningkatkan motivasi pelajar, keperluan rendah pelajar yang belum dipenuhi harus dipenuhi oleh guru dan pihak sekolah dalam bidang pendidikan.

Teori Determinasi Diri (SDT) adalah sebuah teori yang menekankan pentingnya kebebasan individu semasa bertindak sesuai dengan pilihannya. Manusia memiliki keperluan untuk merasa kompeten, dan juga berasa bebas terhadap pilihan-pilihan yang mereka ambil. Dengan kata lain, manusia memiliki keperluan terhadap determinasi diri. Dalam Teori Determinasi Diri terdapat 3 faktor keperluan asas iaitu kebebasan yang merujuk kepada kebebasan untuk melakukan pilihan berdasarkan kehendak sendiri yang mengacu pada hal yang dirasakan dan bersumber dari diri sendiri; keterikatan merujuk kepada hubungan sosial atau relasi sosial seseorang individu berinteraksi dengan individu lain dalam satu komuniti serta memiliki rasa saling bergantung antara satu dengan yang lain, dan akhir sekali kompetensi yang merupakan kemampuan individu untuk menunjukkan kemampuannya melakukan serta memberi impak dalam lingkungannya. Teori ini memaparkan kepentingan guru memberi peluang kepada pelajar untuk merasai kejayaan, berkemampuan dan bebas membuat pilihan demi meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dan juga kepada pentadbir sekolah semasa merancang program untuk pelajar.




Rajah 3 menunjukkan kerangka teori kajian

Berdasarkan teori di atas, dapatlah kita faham bahawa melalui Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner kita perlu mengkaji sumber motivasi sedia ada pelajar; melalui Teori Hieraki Keperluan Maslow dan teori Determinasi Diri, kita dapat mengkaji keperluan asasi pelajar yang dapat diusahakan oleh pihak guru dan sekolah. Strategi yang baik untuk meningkatkan motivasi pelajar hanya akan dihasilkan jika kesemua faktor tersebut diambil kira.

1.8 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini memberikan perspektif mengenai hubungan antara motivasi pelajar dan pencapaian akademik serta faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar. Kerangka konseptual dibina berdasarkan andaian bahawa motivasi pelajar berkait rapat dengan guru dan strategik yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Gambarajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konsep yang menggambarkan komponen utama untuk kajian ini.



Rajah 4: Kerangka konsep tentang faktor yang mempengaruhi motivasi akademik pelajar

Kajian ini berfokus pada 3 faktor yang mempengaruhi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar. Faktor yang difokuskan ialah faktor pelajar, guru dan sekolah. Untuk meningkatkan motivasi, sumber motivasi sedia ada pelajar harus diketahui dan diperkembangkan. Sumber motivasi sedia ada pelajar merujuk kepada sokongan daripada ibu bapa, kawan-kawan mereka dan komuniti tempat mereka tinggal (Teori

Sistem Ekologi Bronfenbrenner). Maklumat ini adalah sangat penting dalam kajian ini kerana ini merupakan asas kepada pembentukan perspetif pelajar terhadap pembelajaran akademik. Kajian ini juga akan mengambil kira pandangan pelajar terhadap sokongan daripada guru dan pihak sekolah yang mereka perlukan untuk meningkatkan motivasi mereka terhadap pembelajaran di sekolah. Maklumat ini adalah sangat penting dalam aspek meningkatkan motivasi pelajar kerana ia memenuhi keperluan asas pelajar iaitu keperluan seseorang individu untuk dihormati (Maslow, 1943).

Kajian ini juga akan melihat pengaruh personaliti guru terhadap motivasi intrinsik pelajar dan gaya pengajaran atau pedagogi guru terhadap motivasi ekstrinsik pelajar. Manakala bagi faktor sekolah pula, kajian ini akan mengumpul pandangan pihak pentadbir terhadap cara meningkatkan rasa kepunyaan pelajar terhadap sekolah dimana rasa kepunyaan sekolah dapat meningkatkan motivasi insrinsik pelajar dan program atau pertandingan yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan motivasi ekstrinsik pelajar.

1.9 Skop Kajian

Memandangkan skop untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi motivasi adalah terlampau besar dan luas, kajian ini hanya bertumpu pada faktor persekitaran dan faktor keperluan untuk meningkatkan motivasi akademik pelajar menengah rendah sahaja.

Kaedah temu-ramah telah dipilih sebagai cara mengumpul maklumat daripada pihak pelajar, guru dan pentadbir sekolah. Kaedah temu-ramah merupakan satu kaedah yang sering digunakan dalam kajian kualitatif untuk mengumpul maklumat daripada responden. Penyelidik akan menanyakan soalan terbuka kepada satu atau sekumpulan responden dan jawapan responden akan dicatat oleh penyelidik. Demi mendapat transkripsi yang lebih konsisten, rakaman suara digunakan semasa temu-ramah (Creswell, 2012).

Responden hanya terdiri daripada pelajar menengah rendah sekolah yang dipilih oleh penyelidik sahaja. Responden ini merangkumi pelajar Melayu, Cina dan India yang berprestasi cemerlang, sederhana dan lemah melalui Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS). Guru dipilih adalah berbeza dari segi jantina dan pengalaman mengajar pelajar menengah rendah dan pentadbir sekolah pula merujuk kepada pengetua sekolah, guru penolong kanan, guru penolong hal-ehwal murid dan guru penolong kanan ko-kurikulum.

1.10 Delimitasi Kajian

Beberapa batasan telah wujud dalam kajian ini. Penggunaan instrumen merupakan salah satu batasan kajian ini. Batasan kaedah ini ialah responden mungkin memberi maklumat yang berat sebelah sebab mereka hanya memberi jawapan berdasarkan pada pendirian mereka sahaja. Selain itu, responden juga mungkin menipu untuk menyenangkan hati penemu-bual.

Skop kajian ini hanya terbatas pada pelajar menengah rendah, guru dan pentadbir sekolah kajian sahaja. Faktor pengaruh ibu bapa, kawan sejabat, media dan komuniti tidak dimasukkan.

1.11 Definisi Istilah

Motivasi akademik

Dalam kajian ini, motivasi akademik merujuk kepada daya yang mengerakkan pelajar seperti keperluan, objektif dan minat untuk merangsang mereka terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran demi mendapat pengredan yang baik dalam peperiksaan.

1.12 Rumusan

Bab 1 telah memberikan satu gambaran keseluruhan tentang kajian kualitatif ini. Ia telah menerangkan konsep motivasi, kedua-dua jenis motivasi dan kepentingan motivasi terhadap pencapaian akademik pelajar. Ia juga telah menunjukkan hubungan atau rantaian motivasi pelajar dengan guru dan pihak sekolah.

Objektif kajian, persoalan kajian, dan kerangka konseptual dalam kajian ini dapat memudahkan pembaca mempunyai pemahaman yang lebih mendalam mengenai isi-isi dan skop kajian ini.

RUJUKAN

- Alamgir Khan, Salahuddin Khan, Syed Zia-Ul-Islam (2016). *Impact of Teacher Personality on The Academics of The Students*.
https://www.academia.edu/29096146/IMPACT_OF_TEACHER_PERSONALITY_ON_THE_ACADEMICS_OF_THE_STUDENTS
- Ames, R. & Ames, C. (1984). *Research on Motivation in Education*. Orlando, Florida: Academic Press, Inc.
- Areepattamannil, S., Freeman, J., & Klinger, D. (2011). Intrinsic motivation, extrinsic motivation, and academic achievement among Indian adolescents in Canada and India. *Social Psychology of Education*, 14(3), 427-439.
<http://dx.doi.org/10.1007/s11218-011-9155-1>
- Bambang Suseno, Ritha F. Dalimunthe, Yeni Absah. (2018). *The Influence of School Environment, Teachers' Attitude and Personality On Students' Motivation At SMK Nusantara Lubuk Pakam With Students' Self Concept As The Intervening Variable*.
<https://www.ijstr.org/final-print/june2018/The-Influence-Of-School-Environment-Teachers-Attitude-And-Personality-On-Students-Motivation-At-Smk-Nusantara-Lubuk-Pakam-With-Students-Self-concept-As-The-Intervening-Variable.pdf>
- Baridah Binti Din (2014). *Pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmtan (ldp) Dan Hubungannya Dengan Motivasi Kerja Guru Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Segamat*.
http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/p5_g_Search_View.asp?menu=&g=ok&pkey=11333
- Blumenfeld, P. C., Kempler, T. M., & Krajcik, J. S. (2006). Motivation and cognitive engagement in learning environments. In R. K. Sawyer (Ed.), *The Cambridge*

handbook of learning sciences (pp. 475-488). New York: Cambridge University Press.

Brophy, J. (2004). *Motivating students to learn* (2nd ed.). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Butler, R. (2012). Striving to connect: Extending an achievement goal approach to teacher motivation to include relational goals for teaching. *Journal of Educational Psychology*, 104(3), 726. <http://dx.doi.org/10.1037/a0028613>

Chu Siew Fong (2005). *Hubungan Faktor Guru Dengan Motivasi Pelajar Di Lima Buah Sekolah Menengah Zon Skudai Johor*.
[http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/p5_g_Search_View.asp?menu=&g=ok
&pkey=6538](http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/p5_g_Search_View.asp?menu=&g=ok&pkey=6538)

Cole & Packer, M (2011) *Cultura in development*. In M. Bornstein & M. Lamb (Eds), *Developmental science: An advanced textbook* (6 th ed. Pp. 51-107). New York: Psychology Press.

Creswell, J. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (5nd ed.). California, USA: Sage Publications.

Christopher Bowring-Carr dan John West-Burnham. (1999). *Pembelajaran Berkesan di Sekolah – Bagaimana Menyepadukan Pembelajaran dan Kepemimpinan untuk Menghasilkan Sekolah yang Berjaya*. (trj. Annuar Ayub). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Deci, E.L & Ryan, R.M (1985). *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York, NY: Plenum Press.

Deci, E. L., & Moller, A. C. (2005). The concept of competence: A starting place for understanding intrinsic motivation and self determined extrinsic motivation. In

A. J. Elliot & C. S. Dweck (Eds.), *Hand book of competence and motivation*. New York, USA: The Guilford Press.

Elisabeth Findlay (2013). *A Qualitative Investigation into Student and Teacher Perceptions of Motivation and Engagement in the Secondary Mathematics Classroom*.

https://research.avondale.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=1015&context=theses_bachelor_honours Goodnow, J. (2010). Culture. In M. Bornstein (Ed.), *Handbook of cultural developmental science*. New York: Psychology Press.

Green-Demers, I. (2006, January). The snowball effect of social support: *Cumulative influence of teachers, parents, and friends on academic motivation*. Paper presented at the 7th Annual Conference of the Society for Personality and Social Psychology, Palm Springs, CA.

Green-Demers, I., & Pelletier, D. (2003). Motivations, objectifs et perspectives future des e'le'ves du secondaire—Re'gion de l'Outaouais [Motivation, goals, and future perspectives of high school students of the Outaouais area] (Vol. 1–14). Gatineau, Quebec, Canada: Universite' duQue'bec en Outaouais.

Griffin, MacKewn, Moser, & Van Vuren. (2013). *Learning Skills and Motivation: Correlates to superior academic performance*. Pearson.

Havighurst (1967). *Adolescent Character and Personality*. New York: John Willey & Sons. Inc.

Hufton, N. R., Elliott, J. G., & Illushin, L. (2002). Educational motivation and engagement: Qualitative accounts from three countries. *British Educational Research Journal*, 28(2), 265-289. <http://dx.doi.org/10.1080/01411920120122185>

Lauren Ann Elisabeth Findlay. (2013). *A Qualitative Investigation into Student and Teacher Perceptions of Motivation and Engagement in the Secondary Mathematics Classroom*.

https://research.avondale.edu.au/theses_bachelor_honours/15/

Levesque, C., Stanek, L. R., Zuehlke, A. N., & Ryan, R. M. (2004). Autonomy and competence in German and American university students: A comparative study based on selfdetermination theory. *Journal of Educational Psychology*, 96(1), 68–84. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.96.1.68>

Manuela Ferreira, Ana Paula Cardoso, José Luís Abrantes. (2011). *Motivation and Relationship of the Student with the School as Factors Involved in the Perceived Learning*.

<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042811028837>

Michelle Tang Chung Koon. (2003). *Hubungan Diantara Kecekapan Sosial Dan Motivasi Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik*.

http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/p5_g_Search_View.asp?menu=&g=ok&pkey=5429

Mohamad Yahya Abdullah, Hawa Mubarak Harib Al Ghafri1, Khadija Saleem Hamdan Al Yahyai (2019). *A Qualitative Study on the Best Motivational Teaching Strategies in the Context of Oman: Perspectives of EFL Teachers*.
file:///C:/Users/Administrator/Downloads/AQualitativeStudyontheBestMotivationalTeachingStrategies%20(2).pdf

Mohamad Shatar Sabran. (2005). *Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Muhammad Asif Tanveer, Muhammad Farooq Shabbir, Muhammad Ammar, Shahid Iqbal Dolla, Hassan Danial Aslam (2012). *Influence of Teacher on Student' Learning Motivation in Management Sciences Studies*.

file:///C:/Users/Administrator/Downloads/AJSR_67_07.pdf

Muhamad Zaaba dan Zuraidah Ismail (2004). *Motivasi Belajar dan Harga Diri: Hubungan dengan Pencapaian Akademik dan Kegiatan Kokurikulum Pelajar Sekolah Menengah*. Journal article UUM.187: 2-18

Nigel Mathers, Nick Fox, Amanda Hunn. (2002). Using Interviews in a Research Project.
<http://web.simmons.edu/~tang2/courses/CUAcourses/lsc745/sp06/Interviews.pdf>

Ormrod, J. E. (2008). Human learning (5th ed.). Upper Saddle River: Pearson Prentice Hall.

Palmer, D. (2007). What Is the Best Way to Motivate Students in Science? Teaching Science-The Journal of the Australian Science Teachers Association, 53(1), 38-42.

Patricia Leavy (2017). Research Design. The Guilford Press. A Division of Guilford Publication, Inc, New York.

Paul D. Eggen & Don P. Kauchak (2016). Educational Psychology (10th ed). Windows on Classroom. Pearson.

Robert J. Strenberg, (2001), Psychology: in search of the Human Mind. School Improvement Special Coaches SISC+ PPD Kuala Muda / Yan. (2013).
<http://siscppdkmy.blogspot.com/2013/06/sisc-peranan-dan-fungsi.html>

Robert K. Yin (2018). Case Study Research and Applications Design and Methods. Sage Publications, Inc, California

Sitwat Saeed & David Zyngier, (2012). How Motivation Influences Student Engagement.
<http://dx.doi.org/10.5539/jel.v1n2p252>

Slavin. (2009). Educational Psychology: Theory and Praticce, 9th Edition. Perason.

Schunk, D. H. Meece, J. L & Pintrich, P.R. (2014). Motivation in education: Theiry, research, and applications (4th ed.) Boston: Pearson.

Wan Rafaie Abdul Rahman. (1991). Motivasi dan Psikologi: Anda Boleh Menjadi Pelajar Cemerlang. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Motivasi Diri dan Pembelajaran Berkesan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Pada 23-24 hb. Februari 1991.